

Bekas PM didakwa minta bantuan selamatkan Riza

BH - 9/11/2020 m/s: 6

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dipercayai meminta bantuan Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan, untuk menyelamatkan anak tirinya, Riza Shahriz Abdul Aziz, daripada turut terpalit dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Perkara itu terdedah, berdasarkan rakaman audio perbualan telefon dipercayai membabitkan Najib dengan Sheikh Mohammed, dipercayai pada 22 Julai 2016.

Rakaman berkenaan diyakini tulen, diperdengarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada sidang media di sini, semalam.

Dalam rakaman itu, bekas Perdana Menteri didengar membuat permohonan peribadi kepada Putera Mahkota itu supaya satu dokumen perjanjian pembiayaan diwujudkan di antara Riza dan Pengerusi International Petroleum Investment Company (IPIC), Sheikh Mansour Zayed Al Nahyan.

Najib juga didakwa memberitahu bahawa penyediaan dokumen berkenaan supaya dana diterima Riza bagi membiayai filem *The Wolf of Wall Street* dilihat sah di sisi undang-undang dan tidak akan didakwa sebagai pengubahan wang haram.

“Saya ada permintaan peribadi

membabitkan Riza. Jika boleh ada satu perjanjian pinjaman dengan Sheikh Mansour, dia akan bayar balik mengikut jadual. Ini akan menunjukkan adanya pakej pembiayaan yang sah, ia bukan pengubahan wang haram.

“Ketika ini, dia (Riza) tertekan di Amerika Syarikat, kami risau dia akan dijadikan kambing hitam. Saya amat hormat jika perjanjian itu boleh ditandatangani secepat mungkin oleh Sheikh Mansour atau individu dilantik beliau,” katanya seperti dalam rakaman berkenaan.

Dalam rakaman sama, Najib didakwa meminta untuk bertemu Sheikh Mohammed dalam kadar segera untuk menyelesaikan isu membabitkan SRC kerana ia berpotensi memalukan Malaysia dan UAE.

Rakaman suara berasingan dipercayai pada 23 Julai 2016 pula mendedahkan perbualan telefon antara individu didakwa Najib dan Ketua Eksekutif Mubadala Development Company (MDC), Khaldoon Al-Mubarak, yang membincangkan pertemuan di antara Khaldoon dan Riza.

Perbualan itu bertumpu persetujuan supaya pertemuan pertama antara Riza dan Khaldoon hanya membabitkan dua individu berkenaan tanpa kehadiran

ran peguam.

Berikut sedutan perbualan telefon antara Najib dengan Putera Mahkota.

Putera Mahkota: Perdana Menteri, beta mohon maaf kerana lewat (membuat panggilan).

Najib: Tidak mengapa Tuanku.



BH TV

Putera Mahkota: Selepas berunding dengan pegawai beta, kami memutuskan tidak menunggu lagi, sebaliknya mencari jalan penyelesaian yang adil kepada anda dan beta, demi kepentingan bersama. Jadi beta berusaha mencari jalan menyelesaikan hal ini.

Najib: Ya, Tuanku sangat baik hati, adakah Tuanku mahu saya terbang ke sana?

Putera Mahkota: Saya tidak rasa perlu berbuat demikian, orang ramai akan tahu mengenainya. Saya akan panggil Khaldoon (Khaldoon Al Mubarak - Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Mubadala Development Company) kembali ke sini.

Najib: Bila Tuanku panggil Khaldoon, bila beliau akan tiba?

Putera Mahkota: Beta akan panggil beliau pulang. Sekarang

beliau (Khaldoon) berada di California, apabila dipanggil pulang, beliau boleh terbang terus ke sini.

Najib: Tuanku, saya ada satu permintaan membabitkan anak saya (anak tiri), Riza. Ini ada kaitan dengan produksi filem yang beliau hasilkan di Amerika Syarikat. Jika boleh diwujudkan satu perjanjian pembiayaan kewangan antara Riza dengan Sheikh Mansour supaya ia dilihat sebagai satu urusan kewangan yang sah bukannya tindakan pengubahan wang haram. Pada masa ini, beliau (Riza) menerima tekanan di Amerika Syarikat. Saya bimbang beliau akan dijadikan kambing hitam.

Saya harap perjanjian dengan Sheikh Mansour itu dapat ditandatangani secepat mungkin, mungkin juga dengan mana-mana wakil Sheikh Mansour supaya ia dilihat sebagai satu perjanjian yang sah di sisi undang-undang. Apabila Riza menerima perjanjian itu, jadi bank dapat mengesahkan sumber wang berkenaan. Saya tidak mahu dia (Riza) jadi mangsa kerana beliau tidak mengetahui sumber wang berkenaan dan supaya orang fikir wang itu benar-benar daripada Sheikh Mansour. Saya mahu perjanjian itu dimeterai secepat mungkin. Inilah permin-

taan khas saya.

Putera Mahkota: Insyallah. Beta akan menyelesaikannya, beta akan bantu.

Najib: Ini satu malapetaka. Saya tidak mahu malapetaka ini memberi kesan kepada kerajaan saya dan pihak Tuanku. Saya percaya perkara ini tidak mustahil diselesaikan. Sudah pasti kita dapat menyelesaikannya.

Putera Mahkota: Saya setuju.

Berikut transkrip perbualan antara Najib dengan Khaldoon Al Mubarak, jam 2.49 pagi pada 23 Julai 2016.

Najib: Ini saya sekali lagi buat panggilan.

Khaldoon: Saya bercakap dengan beliau (Riza), dan kami setuju berjumpa pagi esok

Najib: Bolehkah anda sampaikan kepada beliau, kerana saya tidak dapat bercakap dengannya kerana dia masih berbincang dengan peguamnya

Khaldoon: Apa cadangan anda, patutkah saya bertemu berdua saja atau dengan peguam.

Najib: Saya tidak mahu beliau bawa peguam. Pertemuan satu dengan satu lebih baik, hanya anda berdua.